

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PUSAT HIBURAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PUSAT HIBURAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PUSAT HIBURAN** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000    Faks: 603-2698 0460  
E-mel: dbkl@dbkl.gov.my    Laman Web: www.dbkl.gov.my

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.  
No. 46, Jalan 2/108  
Taman Salak Jaya  
Salak Selatan  
57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

# KANDUNGAN

		HALAMAN
1.0	TUJUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	1
4.0	TAKRIF	2
5.0	GARIS PANDUAN TERPERINCI	2-4
6.0	KEPERLUAN KELULUSAN PERANCANGAN BAGI PUSAT HIBURAN	4-5
7.0	TARIKH KUAT KUASA	6

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

## PUSAT HIBURAN

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan bagi menilai permohonan kebenaran perancangan untuk tujuan pusat hiburan. Garis panduan ini juga bertujuan untuk membantu pemohon mengenal pasti tapak/premis yang bersesuaian bagi tujuan pusat hiburan.


### 2.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan pusat hiburan berada di dalam zon guna tanah yang dibenarkan sahaja.
- ii. Memastikan jenis bangunan perdagangan yang dibenarkan untuk aktiviti pusat hiburan.

### 3.0 SKOP

- i. Garis panduan ini diguna pakai bagi mempertimbangkan permohonan untuk cadangan pusat hiburan yang mengambil kira zon guna tanah, jenis bangunan dan kategori pusat hiburan yang dibenarkan.

- ii. Garis panduan ini tidak melibatkan aktiviti hiburan terbuka untuk tempoh terhad.
- iii. Garis panduan ini tidak melibatkan kawalan dari segi peralatan dan kelengkapan di premis pusat hiburan.
- iv. Pusat hiburan bagi maksud garis panduan ini adalah untuk pusat hiburan fizikal (sila rujuk lampiran tentang pengelasan pusat hiburan oleh KWP).



#### 4.0 TAKRIF

##### Seksyen 2, Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan) 1992.

- i. "mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan dan yang ke situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran dan termasuk sesuatu taman hiburan."
- ii. "mana-mana tempat yang mempunyai struktur bersifat kekal atau sementara yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan dan orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran."
- iii. Dari segi perancangan, pusat hiburan ditakrifkan di antaranya sebagai:
  - Aktiviti pusat karaoke (terbuka atau bilik berasingan)
  - Tari-menari
  - Joget
  - Restoran/kafe yang mengadakan pertunjukan *live band* atau *pipe music*

- Kelab malam
- Disko
- Pusat dangdut
- Lain-lain aktiviti menyerupai aktiviti-aktiviti yang disenaraikan.

#### 5.0 GARIS PANDUAN TERPERINCI

##### i. Lokasi

Pembangunan pusat hiburan boleh dibenarkan dengan bersyarat di zon guna tanah perdagangan berikut:

- a. Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
- b. Perdagangan Utama (MC)
- c. Perdagangan (C)
- d. Pembangunan Bercampur (MX)
- e. Perdagangan Bercampur Industri (MXI)
- f. Aktiviti pusat hiburan juga boleh dibenarkan sebagai aktiviti *ancillary* dalam zon guna tanah kawasan lapang awam, kawasan lapang persendirian dan institusi.



## ii. Jenis Bangunan

### a. Bangunan kompleks perdagangan:

- Bangunan kompleks perdagangan/hotel bertaraf mewah/antarabangsa dan kompleks beli-belah.
- Tidak dibenarkan dalam blok bangunan kediaman, pangsapuri perkhidmatan dan SOHO. Walau bagaimanapun, bagi pembangunan bercampur, aktiviti boleh dibenarkan di ruang komersil/podium.

### b. Bangunan Kedai Pejabat

- Bangunan jenis kedai pejabat yang direka bentuk khusus untuk tujuan pusat hiburan.
- Ruang lantai di dalam bangunan kedai pejabat sedia ada yang bersesuaian berada di tingkat bawah dan tingkat satu sahaja. Penggunaan ruang di tingkat besmen tidak digalakkan.
- Aktiviti pusat hiburan di bangunan kedai pejabat tidak digalakkan jika:
  - Terdapat aktiviti kediaman di dalam bangunan yang sama.

- Aktiviti pusat hiburan yang dicadangkan berkongsi akses/tangga untuk ke tingkat atas.
- Tidak mendapat persetujuan pemilik kedai lain dalam lot yang sama.

## iii. Kawalan Jarak

Pusat hiburan hendaklah berada dalam jarak tidak kurang daripada **100 meter** dari kawasan sensitif berikut:

- a. Taman perumahan
- b. Sekolah
- c. Rumah ibadat
- d. Hospital

**Nota:** Kawalan jarak ini dikecualikan bagi pusat hiburan yang beroperasi di dalam bangunan perdagangan *free standing*. Walau bagaimanapun, premis pusat hiburan berkenaan hendaklah tidak menghadap kawasan sensitif tersebut.

**iv. Kawalan Penggunaan Ruang**

- a. Aktiviti pusat hiburan hendaklah berada sepenuhnya dalam ruang tertutup.
- b. Aktiviti ini tidak boleh melepasi dinding bangunan kawasan terbuka seperti ruang beranda dan kawasan anjakan.
- c. Aktiviti pusat hiburan di ruang terbuka seperti di bumbung bangunan, bumbung podium atau *breezeway* juga tidak dibenarkan.

**v. Apa-apa keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan dan kebombaan yang berkaitan**

**6.0 KEPERLUAN KELULUSAN PERANCANGAN BAGI PUSAT HIBURAN**

- i. Semua cadangan pusat hiburan baharu termasuk penukaran kegunaan lantai sedia ada perlu mendapat kelulusan perancangan.
- ii. Bagi kelulusan perancangan pusat hiburan premis/ tapak yang telah dikhaskan untuk tujuan perdagangan, kelulusan pelanjutan tahun ke tahun tidak perlu diperoleh.

Kelulusan pelanjutan hanya diperlukan jika premis/tapak tidak dizonkan untuk tujuan perdagangan.

- iii. Kelulusan perancangan berasingan bagi tujuan pusat hiburan tidak diperlukan jika premis berkenaan telah dikhaskan untuk tujuan tersebut dalam pelan kelulusan pembangunan. Pemohon hanya perlu mengemukakan permohonan untuk lesen premis sahaja.



**LAMPIRAN:  
KATEGORI PUSAT HIBURAN OLEH KWP**

KATEGORI HIBURAN	AKTIVITI
Kebudayaan	Aktiviti hiburan warisan budaya masyarakat Malaysia dan kesenian antara kaum: persembahan teater, opera, bangsawan, muzik klasik, persembahan kesenian dan kebudayaan tradisional (wayang kulit, makyung, menora, dikir barat, boria, dondang sayang, zapin dan tarian tradisional).
Fizikal	<b>Sosial</b> <i>Live music</i> , karaoke, DJ, tari-menari, disko, joget, dangdut, konsert gig dan karaoke keluarga ditakrif dari semasa ke semasa.
	<b>Sukan</b> Snuker, billiard, boling dan apa-apa jenis sukan yang ditakrif dari semasa ke semasa.
Mekanikal	Penggunaan mesin, hiburan permainan, peralatan hiburan secara mekanikal dan penggunaan peralatan komputer yang tidak mudah diubah suai untuk tujuan perjudian.
Fizikal semasa	Aktiviti hiburan yang diberikan lesen berdasarkan tempoh hiburan berlangsung: konsert, teater, drama, pertunjukan fesyen, pertunjukan sarkas, pertunjukan silap mata, promosi produk, pertandingan karaoke, opera dan sebagainya.

### 7.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.



## SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)